

HUKUM HAIWAN YANG DISUMBANGKAN OLEH ORANG BUKAN ISLAM DAN HAL YANG BERKAITAN DENGANNYA PADA HARI RAYA KORBAN

1. LATAR BELAKANG

Dalam konteks di Sarawak sudah menjadi kebiasaan apabila tiba Hari Raya Korban ramai di kalangan masyarakat yang menganjurkan program korban dan ramai pula yang menyumbang terdiri daripada orang Islam dan tidak terkecuali individu-individu yang bukan Islam.

2. HUKUM DAN DALIL

2.1. Hukum Ibadah Korban

2.1.1. Ibadah korban amat dituntut dalam Islam berdasarkan firman Allah S.W.T.:-

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحِرْ

Maksudnya: "Oleh itu kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur)".

(Surah al-Kautsar: 2)

2.1.2. Jumhur ulama menyatakan bahawa hukum menyembelih korban adalah **sunat yang dituntut (muakkad)** ke atas orang yang mampu melakukannya berdasarkan hadith yang diriwayatkan daripada Ibn Abbas R.A. seperti berikut:-

ثلاث هن علي فرائض، وهن لكم تطوع: الوتر، والنحر وصلاة الضحى

Maksudnya: "Ada tiga perkara yang hukumnya wajib ke atasku dan sunat (sukarela) bagi kamu, sembahyang witir, ibadah korban dan sembahyang Dhuha"¹ (Hadith Riwayat Ahmad)

¹ Wahbah Az- Zuhaili.(1996). *Fiqh dan Perundangan Islam*. Penterjemah Syed Ahmad Syed Hussain et. el. Jilid III hlm. 690

KERTAS KERJA

2.1.3. Menurut qaul masyhur korban adalah sunat yang dituntut (muakkad) dan syiar yang jelas bagi orang yang mampu melaksanakannya² dan dijelaskan dalam hadith, Rasulullah S.A.W. bersabda:-

كُتِبَ عَلَيَّ النَّحْرُ وَلَيْسَ بِوَاجِبٍ عَلَيْكُمْ

Maksudnya: "Diwajibkan kepadaku berkorban, dan ia tidak wajib ke atas kamu.

(Hadith Riwayat ad-Daruquthni)

2.1.4 Abu Hanifah dan sahabat-sahabatnya berpendapat, menyembelih korban adalah wajib, tetapi mengikut pendapat dua sahabatnya Muhammad dan Abu Yusuf ia adalah sunat muakkad. Ulama' yang lain daripada Hanafi mengatakan hukumnya sunat muakkad dan ianya tidak wajib.³

2.2 Syarat Mereka Yang Dituntut Berkorban.

Fuqaha' sepakat mengatakan bahawa orang yang dituntut melakukan korban ialah mereka yang beragama Islam, merdeka, akil baligh, bermukim serta berkemampuan.⁴

2.3 Hujah Dan Dalil Berkenaan Menerima Sumbangan Daripada Orang Bukan Islam.

2.3.1. Menerima pemberian daripada orang kafir adalah satu bentuk muamalat yang baik sebagaimana firman Allah S.W.T. :

لَا يَنْهَى اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتَلُوا فِي الدِّينِ وَلَمْ تُخْرَجُوا مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ

²Taqiyuddin Abu Bakar Bin Muhammad al- Husaini (2002). *Kifayatul Akhyar (Kelengkapan Orang Saleh)*. Jilid 2. Singapura: Pustaka Nasional PTE. LTD. hlm. 491

³Wahbah Az -Zuhaili (1996). *Fiqh dan Perundangan Islam*. Syed Ahmad Syed Hussain et. el.(terj) Jilid III. hlm 689

⁴ *ibid.* hlm. 696

تَبْرُوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Maksudnya: “Allah tidak menegah kamu dari berbuat baik dan berlaku adil kepada orang - orang kafir yang tidak memerangi kamu dan tidak menghalau kamu dari tanah air kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”

(Surah al-Mumtahanah: 2)

2.3.2. Rasulullah S.A.W. pernah menerima hadiah daripada para raja yang bukan Islam. Imam as-Syaukani ada menyebutkan hadits Ali bin Abi Thalib R.A. berkenaan hal ini seperti berikut⁵:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: أَهْدَى كِسْرَى لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَبِلَ مِنْهُ وَأَهْدَى لَهُ قَيْصَرٌ فَقَبِلَ، وَأَهْدَتْ لَهُ الْمَمْلُوكُ فَقَبِلَ مِنْهَا

Maksudnya: “Daripada Ali bin Abi Thalib R.A. beliau berkata: Bahwa Kisra (Raja Persia) pernah memberi hadiah kepada Rasulullah S.A.W. lalu baginda menerimanya. Kaisar (Raja Romawi) pernah pula memberi hadiah kepada Rasulullah S.A.W. lalu baginda menerimanya. Para raja (al-muluk) juga memberi hadiah kepada baginda lalu baginda menerimanya.”

(Hadith Riwayat Ahmad dan at-Tirmizi)

2.3.3. Daripada Anas bin Malik R.A. berkata:-

أَنَّ أَكِيدَرَ دَوْمَةَ أَهْدَى لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جُبَّةً سُنْدُسَ

Maksudnya: “Raja Akidar Daumah telah menghadihkan kepada Rasulullah S.A.W. jubah yang diperbuat daripada kain sundus.”

(Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

2.3.4 Sesungguhnya Imam al-Bukhari dalam kitab sahihnya telah meletakkan

⁵ Muhamad Bin Ali Syaukani (1996). *Nailur Autar*. Jilid 5. Damsyik : Dar as- Salam. hlm 399.

satu tajuk **Bab Menerima Hadiah Orang-Orang Musyrikin** dan telah membawa beberapa hadith, di antaranya:-

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ يَهُودِيَّةً أَتَتْ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِشَاةٍ مَسْمُومَةٍ فَأَكَلَ مِنْهَا، فَجِيءَ بِهَا فَقِيلَ: أَلَا نَقْتُلُهَا؟ قَالَ: "لَا". فَمَا زِلْتُ أَعْرِفُهَا فِي لَهَوَاتِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Maksudnya: "Dari Anas bin Malik R.A., sesungguhnya seorang Yahudi wanita berjumpa Nabi S.A.W. membawa kambing yang diletak racun. Nabi S.A.W. pun makan. Kemudian wanita tersebut dibawa kepada Nabi S.A.W. dan baginda ditanya, "Apakah perlu kita membunuhnya?" Nabi S.A.W. menjawab "Tidak perlu." Anas berkata: "Aku sentiasa ingat daging kambing itu berada dalam mulut Nabi S.A.W."

(Hadith Riwayat al-Bukhari)

حَدَّثَنَا أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَهْدَيْتُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جُبَّةً سُنْدُسٍ وَكَانَ يَنْهَى عَنِ الْحَرِيرِ، فَعَجِبَ النَّاسُ مِنْهَا، فَقَالَ: "وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لِمَنَادِيْلُ سَعْدِ بْنِ مُعَاذٍ فِي الْجَنَّةِ أَحْسَنُ مِنْ هَذَا"

Maksudnya: Anas bin Malik R.A. berkata: Nabi S.A.W. dihadiahkan jubah diperbuat dari kain sundus dan sebelum itu Nabi S.A.W. telah melarang lelaki dari memakai kain sutera. Lalu orang ramai kagum dengan kain tersebut. Nabi S.A.W. pun bersabda "Dan demi Tuhan yang mana diriku dalam kekuasaannya, sesungguhnya kain sapu tangan Saad bin Muaz dalam syurga lebih baik dari kain ini."

(Hadith Riwayat al-Bukhari)

2.3.5. Dalam kitab *Mughni al-Muhtaj* Syeikh Syarbini seorang Ulama mazhab Syafi'i menyebutkan:

وَقَبِلَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَدِيَّةَ الْمُتَّقِيسِ الْكَافِرِ وَتَسَرَّى مِنْ جُمْلَتِهَا بِمَارِيَّةِ الْقِبْطِيَّةِ وَأَوْلَدَهَا".

KERTAS KERJA

Maksudnya: *“Nabi S.A.W. telah menerima hadiah dari Muqauqis seorang raja yang kafir. Termasuk dari hadiah tersebut adalah Mariah al-Qibtiyyah dan anak-anaknya.”*⁶

2.3.6. Menurut Sahibus Samahah Mufti Negara Brunei Darus Salam, menerima sumbangan daripada orang bukan Islam dan menggunakan apa-apa juga barang yang didermakan tersebut hukumnya adalah harus selama ia tidak bercanggah dengan nas dan kaedah berikut⁷;

2.3.6.1. Dasar umum dalam Islam menghendaki supaya urusan-urusan kewangan dan kontrak-kontrak (akad-akad) dan semua peraturan-peraturan bukanlah suatu larangan. Oleh yang demikian adalah harus orang-orang bukan Islam berkongsi niaga, dalam mudharabah, bercucuk tanam, mengairi tanaman dan lain-lain.

2.3.6.2. Dalam mazhab Syafi'i wasiat dan wakaf itu sebahagian daripada akad (kontrak) tabarru' (seperti derma atau pemberian) dan hubungan sesama manusia adalah harus hukumnya selama ia bukan kerana tujuan maksiat.

2.3.6.3 Berkata Imam an-Nawawi dalam *Raudhah at-Thalibin* 6/98 yang ertinya *“Harus bagi orang Islam dan orang dzimmi berwasiat untuk menta'mir masjid al-Aqsa dan lain-lain masjid, menta'mir perkuburan nabi-nabi, ulama'- ulama; dan orang-orang soleh kerana penta'miran ini tujuannya menghidupkan orang-orang ziarah dan memperoleh tabarruk.”*

2.4 Berdasarkan hujah dan dalil di atas maka;

2.4.1. Hukum menerima haiwan yang disumbangkan oleh orang bukan Islam adalah harus atas dasar keharusan bermuamalat dengan orang bukan Islam.

⁶ Khatib Syarbini. 1994. Jilid 3.hlm 558

⁷ Menerima Sumabangan Daripada Orang Bukan Islam. State Mufti's Office Brunei Darussalam. http://www.brunet.bn/gov/mufti/irsyad/pelita/2002/ic11_2002.htm. 21 Mei 2011.

KERTAS KERJA

2.4.2. Jika haiwan tersebut dinyatakan oleh pemberi (yang bukan Islam) untuk dijadikan korban maka hukum korbannya tidak sah, sebaliknya ia hanya dianggap sumbangan kepada pihak penerima kerana korban tidak dituntut ke atas orang bukan Islam. Bagi mereka yang menerima haiwan tersebut bolehlah menjadikan ia korban dan hukum korbannya sah kerana haiwan tersebut telah menjadi milik penerima.

2.4.3. Bagi masjid/ surau atau institusi yang menerima haiwan yang disumbangkan oleh orang bukan Islam harus menggunakan haiwan tersebut untuk apa-apa tujuan yang menepati syarak kerana haiwan tersebut menjadi milik mereka.

3. KEPUTUSAN MESYUARAT LEMBAGA FATWA NEGERI SARAWAK

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak pada 22 Jun 2011 telah memutuskan Hukum Haiwan Yang Disumbangkan Oleh Orang Bukan Islam Dan Hal Yang Berkaitan Dengannya Pada Hari Raya Korban seperti berikut:

- i. Hukum menerima haiwan yang disumbangkan oleh orang bukan Islam adalah harus atas dasar keharusan bermuamalat dengan orang bukan Islam.
- ii. Jika haiwan tersebut dinyatakan oleh pemberi (yang bukan Islam) untuk dijadikan korban maka hukum korbannya tidak sah, sebaliknya ia hanya dianggap sumbangan kepada pihak penerima kerana korban tidak dituntut ke atas orang bukan Islam. Bagi mereka yang menerima haiwan tersebut bolehlah menjadikan ia korban dan hukum korbannya sah kerana haiwan tersebut telah menjadi milik penerima.
- iii. Bagi masjid/ surau atau institusi adalah harus digunakan untuk apa-apa tujuan yang menepati syarak.

KERTAS KERJA

RUJUKAN

1. Al-Quran. 1995. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
2. Imam Hafiz Abi Abdullah Bin Ismail Bukhari (1997). *Sahih al-Bukhari*. Jilid 8. Beirut: Maktabah al-'Asriyah.
3. Taqiyuddin Abu Bakar Bin Muhammad Al- Husaini (2002). *Kifayatul Akhyar fi Halli Ghayatil Ikhtishar*. Jilid 2. Singapura : Pustaka Nasional PTE. LTD.
4. Syamsudin Mohamad Bin Mohamad Khatib Syarbini (1994) *Mughni al-muhtaj ila ma'ani al-faz al-minhaj*. Jilid 3. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
5. Wahbah Az-Zuhaili(1996). *Fiqh dan Perundangan Islam*. Syed Ahmad Syed Hussain et. el. (terj) Jilid III. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. http://www.brunet.bn/gov/mufti/irsyad/pelita/2002/ic11_2002.htm